

TARIKH : 19 MEI 2025  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 21

## 19/05/2025 : Berita Harian (ms 21) OPR dijangka turun sehingga 0.5 peratus tahun ini

### OPR dijangka turun sehingga 0.5 peratus tahun ini

**Bank Negara Malaysia**(BNM) dijangka mengurangkan Kadar Dasar Semalam (OPR) sebanyak 50 mata asas pada separuh kedua 2025, demikian menurut jangkaan OCBC.

Ketua Ahli Ekonomi Kanan ASEAN OCBC, Lavanya Venkateswaran, berkata pengurangan kadar itu akan memberi ruang kepada BNM untuk bertindak secara berwaspada.

Beliau berkata, tindakan lanjut daripada BNM bergantung kepada sejauh mana tahap ketidaktentuan yang tinggi mempengaruhi fungsi tindak balas bank pusat itu.

"Kami kini mengemukakan jangkaan bahawa BNM akan menurunkan kadar dasarnya sebanyak 50 mata asas secara keseluruhan pada separuh kedua 2025 berbanding jangkaan sebelum ini pada separuh pertama

2026, bagi memberi ruang kepada BNM untuk bertindak secara berwaspada.

"Kami akan menentukan masa sebenar pengurangan kadar ini berdasarkan data ekonomi yang akan datang dan hasil run-ding tarif dengan Amerika Syarikat (AS), khususnya pada mesyuarat 9 Julai, 4 September dan 6 November," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Lavanya berkata, BNM kelihatan lebih cenderung kepada dasar melonggarkan kadar faedah dalam mesyuaratnya pada 8 Mei lalu, dengan menekankan ketidaktentuan yang semakin meningkat dan risiko penurunan terhadap pertumbuhan ekonomi.

Beliau berkata, bank pusat itu telah mengurangkan Nisbah Keperluan Rizab Berkamun (SRR) daripada 2.0 peratus kepada 1.0 peratus, berikut kuasa 16 Mei

2025, menambah mudah tuna

sebanyak RM19 bilion ke dalam sistem perbankan.

Tambahan pula, katanya, Gabenor BNM, Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour turut menyatakan bahawa BNM mempunyai ruang dasar untuk bertindak jika perlu.

"Kami jangka pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) perlahaan kepada 4.3 peratus pada 2025, dengan lebihan akauan semasa dijangka pada 1.7 peratus daripada KDNK pada 2025 berbanding 1.4 peratus pada 2024," katanya.

Ekonomi Malaysia berkembang 4.4 peratus pada suku-perdana 2025 sejarah dengan unjuran awal yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebelum ini.

Sementara itu, MIDF Research juga menjangkakan KDNK Ma-

laysia berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 4.0 peratus tahun ini.

Katanya, permintaan domestik akan menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan, sekali gus mengurangkan kesan kelembapan perdagangan luar.

Jelasnya, guna tenaga dan

pertumbuhan gaji yang stabil, terutamanya dalam sektor berorientasikan domestik, bersama-sama dengan sokongan dasar ber- kaitan pendapat, dijangka membantu menge-

kalkan perbelanjaan isi rumah. "Dari segi pelancongan, kami percaya aktiviti yang lebih kukuh akan meningkatkan prospek pertumbuhan Malaysia dan memacu perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi," katanya.

